



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING DEKAN

BILANGAN 1 TAHUN 2022

PERMOHONAN KELULUSAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA BAGI URUSAN RASMI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan permohonan kelulusan perjalanan ke luar negara bagi urusan rasmi.

2.0 LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB)3.1: Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam pada 14 Julai 2022 dan surat Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bertarikh 3 Ogos 2022 (no.rujukan: JPT.S(G)2000/014/06 Jld. 4 (59) serta ketetapan dari mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 28/2022 bertarikh 15 September 2022.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pihak Pengurusan UiTM telah menetapkan seperti berikut:


- a) Bilangan pegawai yang mengiringi Ketua Delegasi **tidak melebihi dua (2) orang** kecuali bagi perjalanan tertentu yang memerlukan kelulusan khas;
- b) Kekerapan perjalanan maksimum atas tugas rasmi ke luar negara yang dibenarkan dalam tempoh setahun adalah:
 - **Tiga (3) kali** bagi Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Penolong Naib Canselor/ Rektor/ Dekan kecuali arahan Kementerian;
 - **Dua (2) kali** bagi lain-lain pegawai; dan
- c) Bagi permohonan ke luar negara yang menggunakan **geran kerajaan (seperti geran penyelidikan)** adalah diuruskan oleh Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) secara dalam talian melalui **sistem e-OTR**. Permohonan boleh dimajukan selepas mendapat sokongan Naib Canselor. Permohonan yang lengkap melalui sistem tersebut **selewatnya tiga puluh (30) hari** dari tarikh jangkaan berlepas ke luar negara.
- d) Permohonan **selain daripada geran penyelidikan** seperti Dana Kecemerlangan Pendidikan/ Tabung Amanah) permohonan perlu dimajukan kepada Pegawai Pengamal iaitu **Naib Canselor untuk kelulusan**.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 1 November 2022.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa 1 November 2022.



PROFESOR DR. MOHAD ANIZU MOHD NOR
Dekan

'Be the Best, Beat The Rest'

Dikelilingkan kepada:
Semua Staf Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-FSR (PT.6/7/1)
No. Siri : 012022


 Ruj. Kami : 100-UiTM (NC 36/1)
Tarikh : 3 Oktober 2022

Kepada Semua

 Ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU)
Penolong Naib Canselor
Rektor UiTM Cawangan / Dekan Fakulti / Akademik / Institut
Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan

PERMOHONAN KELULUSAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA BAGI URUSAN RASMI

Dengan segala hormatnya Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB)3.1: Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam yang telah dikeluarkan pada 14 Julai 2022 dan surat Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bertarikh 03 Ogos 2022 (no. rujukan: JPT.S(G)2000/014/06 Jld. 4 (59)) dirujuk.

2. Berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan surat JPT, mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.28/2022 bertarikh 15 September 2022 telah membuat ketetapan bagi perjalanan ke luar negara bagi urusan rasmi seperti berikut;

- a) Bilangan pegawai yang mengiringi Ketua Delegasi **tidak melebihi dua (2) orang** kecuali bagi perjalanan tertentu yang memerlukan kelulusan khas;
- b) Kekerapan perjalanan maksimum atas tugas rasmi ke luar negara yang dibenarkan dalam tempoh setahun adalah **tiga (3) kali** bagi Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Penolong Naib Canselor/Rektor/Dekan kecuali arahan Kementerian dan **dua (2) kali** bagi lain-lain pegawai; dan
- c) Bagi permohonan ke luar negara yang menggunakan geran kerajaan (seperti geran penyelidikan) adalah diuruskan oleh Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) secara dalam talian melalui sistem e-OTR. Permohonan boleh dimajukan selepas mendapat sokongan Naib Canselor. Permohonan yang lengkap melalui sistem tersebut **selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari** dari tarikh jangkaan berlepas ke luar negara. Manakala bagi permohonan selain daripada geran penyelidikan seperti Dana Kecemerlangan Pendidikan/Tabung Amanah) permohonan perlu dimajukan kepada Pegawai Pengawal iaitu Naib Canselor untuk kelulusan.

3. Kerjasama dan tindakan YBhg. Datuk/ Dato' / Datin/ Profesor/ Tuan/ Puan memaklumkan kepada staf masing-masing didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih. والسلام

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR DATUK TSI DR. HAJJAH ROZIAH MOHD JANOR)
Naib Canselor

 Universiti Teknologi MARA
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel: +603-5544 2001/2222
Faks: +603-5544 2030/2223


ISO 9001:2015 No. Sijil: 10120156

UiTM di hatiku